



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	16/9/2011

UMNO samannya Pas, Mat Sabu dan tarikh pilihan raya

"AKHIRNYA UMNO tahu bagaimana untuk menghadapi fitnah pembangkang." Itulah tajuk entri blog *Selangor Daily* (www.selangordaily.com) berhubung tindakan UMNO Selangor yang mengemukakan writ saman terhadap pemimpin Pas dan beberapa pihak lain yang memfitnah parti itu berhubung kes serbuan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) ke atas sebuah gereja sebelum ini.

Katablog ini, sepatutnya tindakan sedemikian dilakukan sejak dahulu bagi berhadapan dengan serangan pembangkang yang tidak putus-putus menyampaikan risalah munafik dalam perjuangannya dan sikap baik hati UMNO serta Barisan Nasional (BN) sebelum ini menyebabkan mereka menabur fitnah tanpa sempadan.

"Mungkin UMNO sebelum ini percaya perjuangan yang berlandaskan pembohongan tidak akan berjaya, namun lanskap politik negara sudah berubah, dengan budaya rakyatnya turut terkias sama. Budi bahasa dan sifat yang baik pada orang Timur sudah terhakis sedikit sebanyak, dan persepsi sudah cukup untuk menyatakan kebenaran, seandainya ia beralang-ulang.

"Tindakan bijak daripada UMNO Selangor amat dipuji, dengan menjadikan keadaan semasa dan bentuk tindakan yang sesuai berdasarkan peredaran zaman. Ke-

Tindakan bijak dari UMNO Selangor amat dipuji, dengan menjadikan keadaan semasa dan bentuk tindakan yang sesuai berdasarkan peredaran zaman. Kerana hari ini, penafian tidak cukup untuk menyatakan kebenaran

rana hari ini, penafian tidak cukup untuk menyatakan kebenaran," kata blog ini.

Blog *Darul Ehsan Today* (darulehsan-today.blogspot.com) pula berkata, writ saman yang dikemukakan oleh UMNO Selangor pada Rabu adalah kerana kebobohan Setiausaha Agung Pas, Datuk Mustafa Ali yang secara membabi buta menuduh UMNO sebagai dalang dalam serbuan JAIS ke atas gereja berkenaan.

Katanya, antara yang dinamakan dalam saman itu ialah Presiden Pas, timbalannya, setiausaha agung, editor akhbar *Harakah*, pengarang akhbar berkenaan, penulis artikel serta kilang percetakan yang mengeluarkan akhbar fitnah tersebut.

"Pada aku, setakat RM10 juta UMNO tak kebulur duit Pas, tapi ini satu pengajaran pada Pas, lain kali jangan main tuduh-tuduh kalau tak ada bukti, walau pun Mustafa Ali kata ada bukti, sampai la ni (sekarang) dia tak dapat bagi bukti.

"Jangan ingat Pas tu parti Islam orang tak boleh saman, jangan ingat Pas sokong komunis, dia dah kebal, nah... sendiri mau ingat la, jangan pula nanti Pas hantar pencacai ajak UMNO selesaikan di luar mahkamah pula," katanya.

Dalam pada itu *Kluang Diamond* (kluangmanexpress.blogspot.com) berkata, Mat Sabu kini berada di-*ranking* pertama dan teratas dari segi populariti mengatasi Datuk Seri Najib Tun Razak dan Datuk Seri Anwar Ibrahim terutama dalam media Internet selepas isu komunis dan Bukit Kepong.

Katanya, walaupun puluhan laporan polis dan pelbagai kecaman dibuat ke atasnya di seluruh negara tetapi ia tidak nampak banyak menjejaskan Mat Sabu.

"Tetapi serangan kali ini (iaitu) penyebaran "CD Phone Sex Mat Sabu" sangat merimaskan Mat Sabu untuk berhadapan dengan wartawan dan media khususnya

beberapa 'ungkapannya' sudah menjadi slogan-slogan yang mengaibkan diri dan keluarganya, termasuk parti Pas.

"Siapakah dalangnya? Mungkin ini satu peringatan Mat Sabu supaya jangan terlalu popular hingga lawan tauke!" katanya.

Sementara itu, *Gerakan Anti-PKR* (gerakan-anti-pkr.blogspot.com) pelik dengan Naib Presiden Pas. Salahuddin Ayub yang melatah apabila bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyindir berhubung penetapan tarikh pilihan raya umum.

Katanya, beliau tidak sepatutnya membuat kecoh dengan mendesak Perdana Menteri agar mengumumkan tarikh pilihan raya seawal mungkin kerana tarikh akhir penggal ini hanya berakhir pada Mac 2013 sedangkan sekarang baru September 2011.

Tambahnya, tindakan pemimpin pembangkang terbabit menjadikan tarikh pilihan raya umum dan masa berkempen sebagai alasan ketidakadilan sistem pilihan raya Malaysia adalah sangat tidak masuk akal.

"Tempoh kempen pilihan raya jika Parlimen dibubarkan ialah sekitar lapan hari, sementelah Pas dan parti-parti pembangkang sebenarnya telah awal-awal lagi berkempen bagi menghadapi pilihan raya akan datang (iaitu) sejak mereka menang lima negeri (pada Pilihan Raya Umum 2008).

"Sungguh lucu dan amat malang hujah balas pembentangan Pas dalam mengutarakan isu pilihan raya. Tarikh PRU (Pilihan Raya Umum) dan masa kempen dijadikan alasan ketidakadilan sistem pilihan raya di Malaysia," katanya.

Sedangkan katanya, itu semua adalah usaha untuk menutup kelemahan cara politik Pas yang semakin gagal di mata pengundi khususnya orang Melayu.

Azli Shukri (azlishukri.blogspot.com) menyokong kenyataan Dr. Mahathir berhubung desakan pihak pembangkang agar kerajaan berunding dengan pihak mereka sebelum menentukan tarikh pilihan raya umum akan datang.

Katanya, jelas sekali desakan pembangkang itu bersifat merapu, tidak masuk akal dan tidak akan diterima oleh mana-mana pemerintahan demokrasi yang ada di dunia, termasuk pihak pakatan pembangkang sendiri jika mereka berkuasa.

"Pakatan pembangkang (kini) semakin hari dilihat sudah menjadi gila isim. Kemarku mahu memerintah dan tidak dapat menerima takdir kekalahan," katanya ringkas.

SELAMAT MENYAMBUT HARI MALAYSIA

Kelolan LUKMAN ISMAIL
lukman@utusan.com.my